



**DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(KOTA KINABALU CITY HALL)**

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUTHARGA : DBKK/JAPK/P/7/2021**

**TAJUK : MEMBINA BUMBUNG GELANGGANG FUTSAL SEDIA ADA SETERUSNYA  
UNTUK KEGUNAAN DEWAN TERBUKA KG. TEBOBON, MENGGATAL**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan atau yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas Kepala dan Sub kepala yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi projek yang berikut:

**SPKK Gred G2  
Kategori B  
Pengkhususan B04**

atau

**PUKONSA Kelas E  
Kepala II  
Sub Kepala 5 dan CIDB**

2. Bagi mengekang penularan wabak Covid-19 dan meminimumkan kontak fizikal. Kontraktor yang berhasrat menyertai sebut harga ini hendaklah **WAJIB MENDAFTAR** pada Borang Saringan Wajib di pautan laman web rasmi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bermula dari **6 Ogos 2021** (Jumaat) hingga **12 Ogos 2021** (Khamis). Hanya wakil Syarikat yang ditauliahkan di atas Sijil SPKK\PUKONSA sahaja dibenarkan membuat pendaftaran dengan menggunakan emel rasmi syarikat masing-masing. Pendaftaran secara selain dari yang dinyatakan dan di luar tarikh yang ditetapkan adalah tidak sah dan tidak akan dilayan. Hanya pemohon yang **LAYAK SAHAJA** (Melepassi saringan wajib) akan menerima email makluman untuk hadir membeli Dokumen Sebut Harga.

3. Harga senaskah Dokumen Sebut Harga adalah **RM50.00** senaskah (tidak dikembalikan) .

4. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor atau wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Lesen Perniagaan dan Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan atau Sijil Pendaftaran PUKONSA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli Dokumen Sebut Harga.

5. Semua Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama salinan sijil SPKK/PUKONSA dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sudut kiri sampul yang tersebut dan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga DBKK, No. 1 Jalan Bandaran, 88675 KOTA KINABALU.**

6. Sebut Harga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Tingkat Bawah, Bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah** tidak lewat pada **17 Ogos 2021 masa 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup yang tersebut di atas.

**Pengarah  
Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender  
b.p MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU**